

Headline	Kawasan 1.15 hektar untuk panda		
MediaTitle	Berita Minggu		
Date	15 Jul 2012	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	297,950
Page No	16	Readership	2,476,000
Language	Malay	ArticleSize	538 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 18,214
Frequency	Daily	PR Value	RM 54,642



Kawasan 1.15 hektar untuk panda

» Kubah setinggi bangunan 4 tingkat buat pengunjung lihat lebih dekat

Oleh Norfatimah Ahmad
tim@bharian.com.my

► Putrajaya

Tapak seluas 1.15 hektar di barat Taman Wetlands, di sini diperuntukkan khusus untuk sepasang panda yang dijangka tiba sempena ulang tahun ke-40 hubungan diplomatik Malaysia-China pada 2014.

Pengarah Jabatan Perancangan Bandar, Perbadanan Putrajaya (PPj), Omairi Hashim, berkata kawasan lembah itu akan dilengkapi dengan bangunan berhawa dingin, makmal, dapur dan rumah penjaga haiwan berkenaan.

Beliau berkata, kubah setinggi bangunan empat tingkat menggunakan bahan bebas sinaran ultraviolet (UV) itu akan dihubungkan dengan tangga bergerak untuk pengunjung melihat lebih dekat kehidupan panda itu.

Arkitek sedia reka bentuk

“Arkitek tempatan akan dipilih untuk menyediakan reka bentuk kawasan itu tahun ini, selain mendapatkan khidmat perunding dan kelulusan pakar China sebelum pembinaan dimulakan tahun depan.

“Selain peruntukan Kementerian Kewangan, kami akan berurusan dengan 1Malaysia Development Berhad dan Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar untuk memastikan bajet untuk projek ini disalurkan lebih cepat.

“Setakat ini, model paling sesuai untuk menjadi rujukan

adalah Thailand dan Singapura kerana faktor cuaca yang hampir sama,” katanya ketika ditemui di pejabatnya di sini, semalam.

Bulan lalu, Malaysia dan Peratuan Pemuliharaan Hidupan Liar China (CWCA) menandatangani memorandum persefahaman (MoU) untuk meminjam sepasang panda, Fu Wa dan Feng Yi dari republik itu selama 10 tahun. Idea tercetus ketika Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak bertemu rakan sejawatnya, Wen Jiabao, dalam lawatan ke Nanning, April lalu.

Selain Malaysia, program penjagaan panda disertai Jepun, Thailand, Amerika Syarikat dan Britain. Negara berkenaan mengkaji haiwan itu, melakukan penyelidikan bagi tujuan perlindungan dan melihat sendiri kelahiran panda jika menghasilkan anak.

Omairi berkata, mengikut pakar China, jumlah pengunjung ke kawasan panda perlu dihadkan kepada hanya 500 sehari dengan 100 pengunjung dibenarkan berada dalam bangunan kubah pada satu-satu masa.

Beliau berkata, untuk kesesuaian pengunjung, pihaknya akan menambah tram dan merangka pakej lawatan ke tapak panda, kawasan pemuliharaan burung air, taman flamingo dan Pusat Penghayatan Alam.

Selain itu, katanya, kawasan seluas enam ekar di timur taman itu disediakan untuk menanam buluh bagi bekalan harian dua panda berkenaan yang dikendali-

kan PPj dan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM).

“Arkitek tempatan akan dipilih untuk menyediakan reka bentuk kawasan itu tahun ini, selain mendapatkan khidmat perunding dan kelulusan pakar China sebelum pembinaan dimulakan tahun depan”

Omairi Hashim,
Pengarah PPj



Pemangku Timbalan Pengarah Jabatan Perancang Bandar PPj, Fadlun Makujud (dua dari kiri) membuat tinjauan di Taman Wetlands, semalam.
[Foto SAIRIEN NAFIS/ BH]

Headline	Kawasan 1.15 hektar untuk panda		
MediaTitle	Berita Minggu		
Date	15 Jul 2012	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	297,950
Page No	16	Readership	2,476,000
Language	Malay	ArticleSize	538 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 18,214
Frequency	Daily	PR Value	RM 54,642

▶ **29** SPESIES

buluh dikaji FRIM

▶ **6** SPESIES

buluh disenarai pendek
untuk dirujuk pakar panda

▶ **100** PENGUNJUNG

dibenar berada dalam
kubah pada satu-satu masa



Omairi menunjukkan **tapak cadangan penempatan** panda di Taman Wetlands.

[Foto AHMAD IRHAM MOHD NOOR/ BH]